

ALAM MAYA

Semakin

Tidak Selamat?



Kemajuan teknologi komunikasi telah memberikan cabaran besar kepada penggunaanya. Saban hari, kita dipaparkan dengan berita penyalahgunaan teknologi komunikasi di alam maya yang melibatkan jenayah terancang ini.

Hal ini bermula dengan asas komunikasi yang menggunakan pelantar media sosial sebagai alat perhubungan dan merekodkan kehidupan seharian kepada unsur-unsur yang memudaratkan seperti membuli dan memanipulasi ruang komunikasi siber tersebut untuk tujuan memperdaya dan mencipta keuntungan melalui penipuan.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) melaporkan bahawa sepanjang tahun 2024 ini jenayah siber yang direkodkan telah mencecah kerugian bernilai jutaan ringgit. Jumlah ini melibatkan penipuan yang memperdayakan mangsa dengan pelbagai cara yang licik. Antaranya termasuklah penipuan

pelaburan yang tidak wujud, peluang pekerjaan secara dalam talian, memperdayakan mangsa melalui cinta dan kasih sayang dan sebagainya.

Keselamatan di alam maya memerlukan kesedaran yang baik tentang dunia siber oleh pengguna teknologi komunikasi ini. Kecanggihan dan kemudahan yang ditawarkan oleh teknologi kini sepatutnya digunakan dengan sebaik-baiknya oleh masyarakat. Jika dilihat dari sudut positifnya, teknologi ini banyak memberikan manfaat kepada pengguna. Pembelajaran dan penerokaan ilmu baharu melalui teknologi ini terlalu luas untuk diterokai. Malangnya, terdapat pula pihak yang mengambil kesempatan melalui



buli siber dalam pelbagai bentuk. Merujuk pada rekod ini, mangsa buli siber lebih tinggi berlaku dalam kalangan wanita dengan sebanyak 4878 kes yang dilaporkan berbanding dengan mangsa lelaki sebanyak 4605 kes yang dilaporkan.

Peningkatan kes buli siber ini sebenarnya didorong juga oleh peningkatan dalam bilangan pengguna media sosial dalam kalangan rakyat Malaysia. Berdasarkan Laporan Digital Global 2024 mendapati bahawa sebanyak 57.5 peratus penduduk di Malaysia menggunakan media sosial untuk mengisi masa lapang dan bersosial dengan berbagai-bagai lapisan masyarakat. Hal ini telah mendedahkan mereka kepada perbuatan buli siber sama ada secara langsung ataupun tidak langsung. Perbincangan berkaitan hal kehidupan seharian dengan pelbagai masalah dan isu juga telah meningkatkan rasa ingin memberi komen dan seterusnya menjurus kepada kegiatan buli siber.

Tabiat, budaya masyarakat kini yang memilih untuk menggunakan ruang komunikasi di alam maya sebagai tempat yang selesa untuk mereka meluahkan segala emosi sama ada secara rakaman video ataupun secara langsung juga telah menjadi sebahagian daripada faktor mengurangkan keselamatan pengguna alam maya. Dengan pertambahan pengguna yang mengikuti ruang komunikasi tersebut telah mendedahkan pengguna kepada pendedahan identiti yang sepatutnya dirahsiakan seperti maklumat peribadi berkaitan kewangan, keluarga dan sebagainya.

Cara terbaik untuk menangani isu keselamatan di alam maya tentunya menerusi pendidikan. Sama seperti adab dalam komunikasi bersemuka yang kita terapkan sebelum ini, begitu juga di alam maya. Kesedaran berkaitan komunikasi yang baik, bersopan dan berkesan yang kita amalkan di alam nyata perlu juga diaplikasikan dalam komunikasi kita di alam maya.

Pihak berwajib yang bertanggungjawab dengan perkara ini perlu juga menangani isu keselamatan

siber ini sebagai satu perkara yang sentiasa diperbaharui dan selari dengan perkembangan teknologi komunikasi agar tidak tertinggal dalam usaha memantau dan mencegah serta mengambil tindakan sewajarnya ke atas pesalah yang terlibat mengganggu keselamatan di alam maya.

Persoalannya, adakah alam maya kini semakin tidak selamat? Jawapannya, ya jika kita tidak menangani perkara ini dengan pengisian ilmu baharu tentang alam maya dengan sebaik-baiknya. Jika kita masih berada ditakuk lama ataupun kita masih hanyut dengan keseronokan bersosial di alam maya tanpa mengambil kira aspek keselamatan diri sendiri, keluarga dan masyarakat pengguna alam maya yang lain, maka harga yang perlu dibayar juga amatlah tinggi. Isu keselamatan siber ini merupakan cabaran bersama dalam kalangan pengguna siber itu sendiri. Usaha tersebut perlulah bermula daripada diri sendiri dan sentiasa menjadi pengguna yang berhemah seperti mana berhemahnya kita semasa berkomunikasi di alam nyata.

